

07/07/1997

Peningkatan Indeks Komposit BSKL bawah 10 peratus

SEBARANG peningkatan pada Indeks Komposit Bursa Saham Kuala Lumpur dalam enam bulan kedua tahun ini tidak akan melebihi 10 peratus, kata penganalisis.

Ramai penganalisis saham mengambil sikap konservatif terhadap BSKL yang dijangka 'ditenggelamkan' buat sementara waktu oleh pasaran saham Hong Kong dan Shanghai.

Kecuali sesuatu yang memberangsangkan berlaku di pasaran tempatan, pengurus dana akan lebih memberi perhatian kepada bursa Hong Kong dan China itu.

Hong Kong, yang kini berfungsi sebagai Wilayah Pentadbiran Khas (SAR) China, akan menyambung semula dagangan saham.

Pelabur menaruh keyakinan bahawa ekonomi Hong Kong akan lebih dinamis selepas penyerahan baru-baru ini, kerana kebanyakan syarikat di sana menjalankan perniagaan dengan syarikat China.

Lebih banyak penggabungan dan pembelian akan dilakukan bagi mempertingkatkan perniagaan mereka.

Sejak dua tahun lalu, pengurus dana seluruh dunia mengikuti perkembangan Hong Kong dengan teliti dan sejak 12 bulan lalu, Indeks Hang Seng meningkat sebanyak 40 peratus.

"Selepas penyerahan itu, ia dijangka meningkat 20 peratus lagi," kata seorang penganalisis.

Tetapi jika Hong Kong goyah yang agak mustahil berlaku, maka dana asing akan melimpah ke bursa Asean.

Bagi enam bulan pertama tahun ini, penganalisis berkata, prestasi BSKL agak mengecewakan.

Ia akan terus begini melainkan jika kebimbangan mengenai gambaran makroekonomi rantau ini sebagaimana anggapan pengurus dana asing dapat diperjelaskan.

Berikutan itu, pengurus dana enggan memasuki pasaran Malaysia dan Thailand buat sementara waktu. Thailand mengalami tekanan sejak krisis baht pada Mei.

Apabila ditanya pendapatnya mengenai pasaran tempatan, Presiden Persatuan Pelabur Malaysia, Dr PHS Lim menyatakan keyakinan beliau terhadap prospek jangka sederhana dan ia dijangka meningkat dalam suku akhir tahun ini.

"Ketika ini penjual mulai lesu dan pasaran mengakhiri arah menurunnya," katanya.

Walaupun saham Papan Utama dijangka bergerak perlahan namun, katanya, saham Papan Kedua akan bergerak agresif berikutan kegiatan membeli dan menjual berselang hari.

Saham mewah, yang sedang dalam proses pengukuhan pada masa ini, seharusnya selesai mengukuh sekitar suku tahun ini."

Kata Dr Lim, nisbah pendapatan harga (PER) Malaysia kini ialah 24 kali dan diunjurkan kurang daripada 20 kali dalam setengah tahun akan datang.

"Oleh yang demikian, saham kita menjadi begitu menarik," katanya sambil menambah pendapatan korporat cukup menggalakkan, terutama bagi kumpulan DRB Hicom, bank dan institusi kewangan.

Penganalisis kanan dari OSK Securities sependapat dengan Lim, berkata kepulangan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dari percutiannya di luar negara akan merangsang pasaran tempatan selanjutnya.

- Bernama

(END)